



E- JOURNAL OF ISLAMIC  
THOUGHT & UNDERSTANDING

BIL. 1

JANUARI 2018



Published by :

أكاديمية الدراسات الإسلامية المعاصرة  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)*



الجامعة الإسلامية  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

**KAEDAH HAFAZAN : SUATU TINJAUAN RINGKAS**

Siti Suriyani Sulaiman

**ABSTRAK****E-JITU**Acceptance date:  
30<sup>th</sup> May 2018Valuation date:  
1<sup>st</sup> Oct 2018Publication date:  
15<sup>th</sup> Nov 2018

*Kajian ini menyentuh tentang metod atau kaedah hafazan al-Quran yang telah didokumentasikan oleh para sarjana. Hasil daripada penulisan terdahulu mendapati bahawa kaedah hafazan membantu keberkesanan hafazan. Walaupun kajian eksperimen secara mendalam belum dilaksanakan di sekolah, perbezaan pengajaran kaedah menghafaz masih boleh diperhatikan. Kaedah hafazan dalam kajian ini perlu diterapkan kepada guru dan pelajar supaya mengurangkan jumlah peratusan yang tidak mencapai sasaran dalam hafazan al-Quran. Implikasi kajian ini menunjukkan teknik pembelajaran tahfiz perlu berdiri sama tinggi dengan pembangunan dalam teknologi pendidikan. Ini mengukuhkan pandangan masyarakat terhadap kebaikan sistem hafazan dalam pendidikan arus perdana.*

**Kata Kunci:** kaedah hafazan, metode al-Quran**PENDAHULUAN**

Hafazan merupakan salah satu pedagogi dalam pembelajaran turut membawa maksud suatu proses mental yang menekankan pengalaman yang bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. (Ee Ah Meng, 1997) Kesimpulannya hafazan membawa maksud memelihara, mengingat, menjaga, mengawal apa yang telah dipelajari daripada lupa atau rosak supaya ia tidak hilang.

Berdasarkan kajian sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia terhadap 368 pelajar Maahad Tahfiz Kuala Lumpur dan Madrasah Quran Kubang Bujuk mendapati 13.6 % responden yang dikaji tidak berkeyakinan dapat mengekalkan hafazan mereka dan 22.0% daripada mereka bimbang tidak berjaya mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian. (Abdul Hafiz bin Abdullah, et al. 2005) Ini bermakna 35.0% daripada 65.0% responden menghadapi masalah untuk memelihara, mengingat, menjaga, mengawal apa yang telah dihafaz daripada lupa dan hilang. Menurut Ir. Amjad Qasim (2014) terdapat sebelas halangan dalam penumpuan iaitu fikiran yang bercerai-berai, kurang latihan dan praktikal, memikirkan banyak perkara dalam satu masa, mudah putus asa, kurang memberikan perhatian, suka menunda, tujuan yang tidak

jas, tidak membuat keutamaan dalam pekerjaan, keletihan, emosional dan sikap negatif. Mohammad Asraff mempercayai kepelbagaian kaedah dan teknik yang digunakan ketika proses pengajaran dan pembelajaran menjadi faktor kepada penguasaan pembelajaran pelajar. (Mohammad Asraff Ayob, 2013). Analisis daripada jawapan responden dalam kajian di Maahad Tahfiz Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk juga mendapati lebih 90.0% bersetuju dengan kaedah hafazan dan sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Abdul Hafiz bin Abdullah, et al. 2005) Setiap individu berbeza penerimaan dan maklum balas terhadap teknik yang digunakan terhadapnya kerana setiap manusia mempunyai kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang berlainan dalam mencanai maklumat yang diperolehi.

Namun, memilih kaedah yang bersesuaian membolehkan pelajar-pelajar yang hafiz dan hafizah mengekalkan daya hafazan mereka seterusnya mampu mengaplikasikan hafazan mereka ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000) proses hafazan mengandungi tiga peringkat. Peringkat pertama ialah perolehan, diikuti dengan peringkat pengekalan dan peringkat ketiga ialah perolehan kembali. Proses yang pertama di peringkat perolehan melibatkan proses memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan ke dalam ingatan. Pada peringkat pengekalan pula, mengenal pasti di mana maklumat disimpan dan perolehan kembali melibatkan proses mengeluarkan maklumat daripada simpanan apabila diperlukan. Kaedah bagaimana mengingat ayat-ayat hafazan, mengekalkannya dalam tempoh yang lama atau meletakkan ayat-ayat tersebut dalam ingatan jangka panjang serta bagaimana para hafiz dan hafizah mampu mengeluarkan semula ayat-ayat yang telah dihafaz untuk disesuaikan dengan permasalahan atau kehidupan seharian amat perlu dikaji agar bertepatan dengan kehendak hafalan al-Quran itu sendiri iaitu memelihara kesucian kalamullah. Firman Allah S.W.T dalam surah al-A'la ayat 6 :

Maksudnya: “Kami sentiasa menjadi engkau wahai Muhammad dapat membaca al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibrail sehingga engkau menghafaznya dan tidak lupa.”

#### **HAFAZAN**

Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya. Dalam Bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai quwwatuz zakirah. (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014) Kemampuan otak untuk mengingat sesuatu yang dihafaz adalah sangat menakjubkan. Otak manusia hanya seberat sekitar satu kilogram mempunyai satu trillion neuron (sel otak). Purata manusia menggunakannya hanya 0.0001% bahkan kurang, daripada jumlah kapasiti otak yang sebenar. Otak manusia dibahagikan kepada neocortec, Limbic System dan Reptilian Complex. Ingatan manusia terletak dalam serebrum (otak besar) iaitu bahagian yang menutupi permukaan yang disebut neocortec. Neocortec ini merupakan bahagian yang digunakan untuk berfikir, berbicara,

mendengar dan mencipta. Ia mempunyai dua bahagian fisiologi iaitu otak kiri dan kanan. Jika kedua-dua fungsi ini dioptimumkan serentak maka ingatan atau hafazan akan menjadi ingatan jangka panjang. (Irwan Widiatmoko, t.t.).

Berdasarkan huraian bahagian neocortec otak, maka hafazan boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu hafazan serta merta, hafazan jangka pendek yang kebiasaannya melibatkan bahagian kiri. Manakala bahagian ketiga adalah hafazan jangka panjang yang melibatkan fungsi optimum dan bersepadu antara otak kiri dan kanan. Hafazan serta merta boleh kekal dalam dua saat atau kurang daripada itu, hafazan jangka pendek boleh kekal dalam beberapa minit, jam dan hari sementara hafazan jangka panjang boleh menyimpan semua maklumat yang telah dialami semenjak lahir lagi (Ab. Fatah Hasan, 1994).

Menurut Schunk D.H, hafazan mempunyai beberapa jenis iaitu hafazan jangka pendek dan hafazan jangka panjang. Hafazan jangka pendek mempunyai ciri kapasiti terhad, masa yang singkat dan separuh sedar. Hafazan jangka panjang adalah mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumatnya akan teraktif apabila digerakkan dan ianya terdiri daripada empat jenis. Pertamanya, hafazan episodic iaitu mengingat semula sesuatu kejadian yang pertama kali berlaku dan bermakna kepada diri sendiri.

Kedua, hafazan semantic melibatkan pengumpulan pengetahuan tentang perkataan, konsep dan makna yang tersimpan secara jangka panjang. Ketiga, hafazan prosedur iaitu mengingat semula urutan perkara yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang dan akhir sekali hafazan visual adalah hafazan terhadap maklumat yang dikodkan dalam bentuk gambar, imej dan pemandangan. (Schunk D.H, 1996). Mengikut Mu'jam al-'Arabi al-Asasi, perkataan hafaz bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalnya daripada hilang (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989).

#### **HAFAZAN PADA KURUN PERTAMA HIJRAH**

Pembelajaran Quran pada peringkat awal adalah melalui hafazan. Ini kerana Rasulullah SAW merupakan seorang yang ummi (tidak tahu membaca dan menulis). Dalam keadaan yang ummi itulah baginda Nabi Muhammad SAW menyampaikan pula kepada para sahabat. Sahabat pula menghafaz ayat-ayat suci al-Quran dan menyampaikan pula kepada sahabat lain.(Abu Mazaya, 2012) Begitulah seterusnya al-Quran disebar luaskan menerusi hafazan. Pendekatan yang digunakan adalah secara berdepan dengan guru (talaqqi dan musyafahah) iaitu secara di mana guru akan memperdengarkan bacaan, seperti Jibril memperdengarkan bacaan al-Quran kepada Rasulullah dan Rasulullah SAW menyampaikan pula kepada sahabat. Dalam proses talaqqi musyafahah itu juga guru mendengar bacaan muridnya di samping memperbetulkan bacaan murid sekiranya terdapat kesalahan seperti Jibril mendegar dan memperbetulkan bacaan Rasulullah SAW dan Baginda SAW mendengar dan memperbetulkan bacaan para sahabat. Para sahabat yang berkebolehan untuk menulis, menulis ayat-ayat al-Quran yang dibacakan kepada mereka. Mereka membacakan kembali kepada

Rasulullah SAW. Kaedah menghafaz ini diikuti pula oleh para sahabat dan tabi'in yang mengajar dan mempelajari al-Quran secara talaqqi dan musyafahah serta menyeluruh, meliputi aspek-aspek membaca, menghafaz, menulis, memahami dan mengamal. (Muhammad Ali Ash Shabuni, 1996).

Berdasarkan kelima-lima aspek tersebut dapat difahami bahawa itulah kaedah yang digunakan oleh Baginda Rasulullah, sahabat dan tabi'in dalam proses menghafaz al-Quran. Selain daripada itu, Rasulullah SAW mengajar mengajar al-Quran dengan cara musyafahah dan taqlidi (Ismail Awang, 1987) iaitu membaca antara dua hingga sepuluh ayat kepada para sahabat. Baginda juga menghuraikan maksud ayat-ayat tersebut agar difahami oleh para sahabat, memerintahkan mereka menghafaz dan mengamalkannya. (Mohd Yusuf, 2001). Para sahabat bukan sekadar menghafaz, memahami, menulis dan mengamalkannya, bahkan ayat-ayat yang diterima daripada Rasulullah SAW itu diulang-ulang secara istiqamah sehingga ia menjadi sehati dalam hati nurani mereka. Direkodkan bahawa barang siapa yang berjalan di waktu malam di Bandar Madinah melalui rumah para sahabat, pasti mereka akan mendengar suara para sahabat mengulang-ulang hafazan mereka sehingga kedengaran dengungan kuat seperti bunyi lebah dalam sarangnya. (Ali Ash Shabuni, 1985).


Pengulangan ini sebagai kaedah para sahabat memastikan ayat yang dibaca berkekalan. Pada peringkat awal hafazan Rasulullah SAW, baginda sentiasa menggerakkan lidah baginda, tergesa-gesa untuk menghafaznya ketika malaikat Jibril membacakan ayat tersebut kepada Baginda. Kebimbangan Baginda ini ditegur oleh Allah SWT dalam surah al-Qiyamah ayat 16-19:

Maksudnya: “Janganlah engkau (wahai Muhammad) Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu ). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu);Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)”.

Dapat difahami bahawa ketenangan hati amat penting untuk menghafaz al-Quran. Ketenangan dan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu metode atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat al-Hafiz, 2001). Penurunan al-Quran secara beransur-ansur bukan sahaja untuk meneguhkan hati Nabi Muhammad SAW tetapi juga memudahkan hafalan baginda SAW (Noraine Abu,2001). Saranan menghafaz ayat demi ayat berperingkat ini, dinyatakan dalam Surah Furqan:32 dan al-Isra' :106:

Maksudnya: “Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al -Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.”


Maksudnya: “Dan Al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacanya kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami menurunkannya beransur- ansur.”



Rajah 1: Kerangka Teori Pengajaran al-Quran Pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin (Muhammad Ali Ash Shabuni. 1996; Ismail Awang, 1987 & Abu Najihat al-Hafiz, 2001).

**KAEDAH HAFAZAN IBNU SAHNUN**

Faktor yang penting ialah pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan dalam melaksanakan pengajaran al-quran. Ibnu Khaldun (2003) menyatakan kaedah yang sesuai dan berkesan akan mempercepatkan proses pembelajaran yang akan membantu murid menguasai bacaan al-Quran. Kaedah pengajaran perlu dilaksanakan supaya tidak mengelirukan murid. Kecelaruhan dalam kaedah pengajaran akan menyebabkan pelajar putus asa, tiada inisiatif dan menjauhkan diri daripada pembelajaran. Ibnu Sahnun dalam karya ulungnya *adab al- mu'allimin* (yahya husan ali kirad, 2003; kamal abdul hamis, 2005; muhammad ali al-khaulani, 2006) menghuraikan beberapa kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran, antaranya kaedah, mengeja dan mengenal baris, membaca, menulis, menghafaz, mengulang, menguasai dan menilai.



Rajah 2: Kerangka Teori Pengajaran al-Quran Ibnu Sahnun (Yahya Husan Ali Kirad, 2003; Kamal Abdul Hamis, 2005 & Muhammad Ali al-Khaulani, 2006)

**KAEDAH HAFAZAN AL-QABISI**

Seorang lagi tokoh ilmuan Islam yang mengutamakan pengajaran al-Quran kepada kanak-kanak dan menjadikan al-Quran sebagai tujuan asas dalam pendidikannya ialah al-Qabisi. Matlamat utama pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi adalah mengenali agama dan pembentukan akhlak. Bagi beliau objektif utama pengajaran al-Quran adalah bacaan tartil, hafazan dan kefahaman. Al-Qabisi berpendapat bahawa proses pengajaran memerlukan seseorang guru, membuat persediaan yang rapi, perlu peka dengan perbezaan individu serta

memberikan peluang yang sama dalam kalangan muridnya. Beliau turut menggariskan perlunya pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan tahap murid seperti *talqin*, *tikrar*, *al-mail* dan *al-fahm*. Teknik penggunaan pelbagai deria iaitu mendengar, melihat, membaca dan menulis serta penggunaan bahan pengajaran juga disarankan. Al-Qabisi turut mencadangkan kaedah pengajaran al-Quran secara individu atau berkumpulan. Beliau juga membenarkan khidmat murid pintar dan penyertaan ramai guru dalam pengajaran. Di samping itu, al-Qabisi menekankan penilaian berterusan dalam pengajaran sama ada harian, mingguan atau akhir (Ahwani 1955; Ahmad Khalid 1986).



Rajah 3: Kerangka Teori Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Qabisi (1955)


### **KAEDAH HAFAZAN ABU MAZAYA**

Ketika membincangkan kaedah menghafaz, Abu Mazaya (2004) membahagikan kepada beberapa langkah. Langkah pertama adalah sebelum menghafaz perlu ada persediaan mental dan jiwa yang suci dengan qiyamullail, berpuasa dan zikrullah supaya merasakan kehebatan al-Quran dan keperihatinan (ihtimam) terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Selain itu, calon hafiz hafizah perlu bijak membahagikan masa dan tabah menghadapi kepayahan. Walaupun setiap hafiz hafizah mempunyai cara masing-masing yang bersesuaian dengan keupayaan minda untuk menghafaz, beberapa langkah semasa menghafaz perlu diberi penekanan agar hafazan lebih berkesan singkat dan berkekalan (Abu Mazaya, 2004).

Langkah pertama ialah pemilihan waktu yang sesuai, diikuti dengan langkah kedua iaitu menggambarkan ayat-ayat yang dihafaz. Mengulang-ulang ayat merupakan langkah ketiga sehingga ingatan itu menjadi rasikh atau dhabit. Pengulangan ayat-ayat yang sukar hendaklah digandakan supaya ia refleks pada lisan (terbiasa dengan sendiri). Bagi permulaan ayat yang sukar, digalakkan menyambung dengan ayat sebelumnya terutama untuk berpindah kepada halaman baharu. Bagi kaedah menghafaz surah yang



baharu, calon hafiz hafizah hendaklah melakukan pengulangan (takrir) sekurang-kurangnya tiga kali sebelum memulakan hafazan baharu. Sebaiknya takrir tersebut dilakukan lima kali dalam masa 24 jam. Sekali sebelum tidur, selepas bangun tidur dan selebihnya semasa menambah hafazan. Sifat terburu-buru untuk menghafaz ayat yang baharu perlu dijauhkan sekiranya masih merasa sukar untuk mengingati ayat yang lama. Sesudah menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk, kaedah takrir atau muraja'ah dibahagikan kepada dua.



Rajah 4: Kerangka Teori Kaedah Hafazan Abu Mazaya al-Hafiz (2004)


Pertama mengulang hafazan yang baru diperolehi dengan takrir pada hari pertama bermula juzuk satu hingga lima terlebih dahulu dengan tambahan dua juzuk terbaru. Pada hari kedua mengulang hafazan juzuk enam hingga sepuluh dengan tambahan dua juzuk terbaru. Pada hari ketiga pula mengulang hafazan juzuk sebelas hingga lima belas serta mana-mana juzuk yang dianggap belum lancar. Kaedah takrir kedua adalah mengulangkaji hafalan yang dhabit atau rasikh iaitu yang telah lama diperolehi. Ia bergantung kepada keupayaan hafiz atau hafizah. Kebiasaannya para huffaz mampu khatam hafazannya dua atau tiga kali dalam sebulan. Paling tidakpun mengulang satu juzuk pada setiap hari bermakna setiap bulan khatam hafazan 30 juzuk. Semakan hafazan amat perlu bagi para huffaz untuk mengelakkan berlaku kesilapan dalam hafazannya selain usaha batin perlu ditingkatkan sebagai pengukuhan ingatannya.

#### **KAEDAH HAFAZAN JIBRIL**

Terdapat banyak kaedah kontemporari yang boleh dipraktikkan dalam menghafaz al-Quran. Namun pengkaji tertarik dengan satu teori yang dinamakan kaedah Jibril. Mendengarkan namanya sahaja membawa kenangan kepada pertama kali

wahyu diturunkan dan bersempena itulah teori ini diasaskan. Menurut Kaedah Jibril (Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz, 2013) dalam sehari anda perlu menghafaz tiga baris sahaja. Menurut beliau, tiga baris mampu dihafaz dalam sehari, mudah untuk didisiplinkan setiap hari, tidak mengambil masa terlalu lama untuk dihafaz dan memudahkan jumlah ‘target’ ayat yang dihafaz dalam sebulan. Selain daripada itu kadar hafazan menurut baris lebih sekata dan tetap jumlahnya kerana panjang dan pendek ayat adalah tidak sama. Malah jika ia dijadikan kadar hafazan harian, jumlahnya lebih sesuai untuk kerana ia tidak terlalu sedikit dan tidak terlalu membebankan. Ia amat sesuai untuk penghafaz Al-Quran kerana ciri-ciri khas didalamnya amat membantu menentukan tempat berhenti, target hafazan dan lain-lain. Jika diamati, setiap muka surat bermula dengan awal ayat dan diakhiri dengan akhir ayat. Setiap helaian pula mempunyai 15 baris. Justeru, secara logiknya menghafaz 3 baris sehari bermakna menghafaz semuka dalam 5 hari. Tempoh yang diperuntukkan hanyalah 30 minit setiap hari. Tempoh itu tidak terlalu lama dan tidak pula terlalu singkat. Pembahagian tempoh itu adalah untuk pembiasaan (5 minit) hafazan dan penggabungan (15 minit) diikuti dengan pengukuhan (10 minit).

Tiga kali ulangan dicadangkan untuk setiap kali waktu solat iaitu sebelum solat, dibaca sebagai surah bacaan selepas al-Fatihah dan sesudah selesai solat. Ini bermakna pengulangan akan dilakukan 15 kali sehari. Kaedah Jibril direka berdasarkan satu prinsip utama iaitu menghafaz bukannya beban.



Rajah 5: Kerangka Teori Kaedah Hafazan Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013)

### **KAEDAH HAFAZAN H. SA'DULLOH DAN IR. IMJAD QASIM**

Niat yang ikhlas perlu ditanamkan dalam diri sebelum mengenali kemampuan dan karakter akal atau minda. Kemampuan minda bawah sedar akan mendorong

keupayaan minda sedar untuk mengingati ayat-ayat yang dihafaz. Kesungguhan tekad, kegigihan atau keazaman yang kuat, disiplin dan menambah hafalan, talaqqi dan akhlak terpuji adalah syarat-syarat bagi seorang yang ingin menghafaz al-Quran. (Sa'dulloh, 2008; Ir. Imjad Qasim, 2014) Ini kerana ia merupakan satu pekerjaan yang mulia di sisi Allah SWT.


Bakal huffaz juga perlu menentukan tujuan menghafaz al-Quran selain mencari motivasi untuk menghafaznya. Menyusun jadual harian dengan memberikan keutamaan kepada aktiviti penting, kurang penting dan tidak penting membantu untuk mencari ruang masa menghafaz. Kaedah pernafasan yang betul membantu bekalan oksigen ke otak untuk bekerja dengan lebih baik. Menghafaz dalam keadaan kenyang selepas makan sebenarnya memberatkan otak untuk menghafaz kerana aktiviti penghadaman akan melelahkan daya ingatan. Justeru, paling baik menghafaz di waktu pagi di saat perut kosong tetapi bukan dalam keadaan lapar kerana itu juga menyebabkan keletihan dalam menghafaz. Konsentrasi dan penumpuan amat perlu dalam menguatkan daya ingatan. Kesihatan fizikal dan mental juga memainkan peranan selain usia yang tepat, waktu dan tempat yang sesuai dan tenang.

Bagi memudahkan proses menghafaz calon hafiz dan hafizah perlu mengenali potensi diri, fasih, lancar dan betul bacaan al-Qurannya. Ketepatan membaca al-Quran dengan memperbaiki makhraj, membetulkan harakat, ketepatan uslub dan mencermati akhir ayat merupakan syarat yang perlu ada pada para penghafaz Quran. Penggunaan satu mashaf memudahkan encoding (memasukkan ayat dalam hafazan), storage (menyimpan hafazan dalam memori) dan retrieval (mengingat kembali hafazan) ayat-ayat al-Quran. Bahkan ada sebilangan hafiz dan hafizah mampu mengingati lokasi ayat yang dihafaz pada baris dan halamannya. Walaupun apapun kaedah yang digunakan, ia tidak akan lari daripada proses pembacaan yang berulang-ulang. Proses itu perlu melalui lima tahap asas iaitu bin-nazhar, tahfiz, talaqqi, takrir dan tasmik. Bin-nazhar merupakan proses membaca dengan cermat ayat-ayat al-Quran dengan melihat kepada mashaf secara berulang-ulang. Membaca dengan tartil secara terus menerus membantu mengukuhkan ayat dalam memori. Tahap kedua adalah tahfiz iaitu menghafal dan mentadabbur sedikit demi sedikit beberapa kalimat atau potongan ayat tanpa kesalahan dan secara tenang. Membayangkan dan mengikat ayat yang dihafaz dengan makna merupakan cara mengingati dengan cepat.

Setelah lancar maka berpindah kepada ayat yang lain. Setelah yakin dapat menyempurnakan tahap kedua maka seorang calon hafiz dan hafizah perlu memperdengarkan ayat yang dihafal kepada seorang guru. Talaqqi ini diikuti dengan tahap keempat iaitu takrir. Takrir atau pengulangan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa dengan tujuan untuk memastikan hafazan terjaga dan tidak lupa. Tahap terakhir ialah tasmik. Tasmik atau memperdengarkan hafalan kepada orang lain bagi memastikan seseorang itu tidak cuai dalam menghafaz huruf dan baris. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam menentukan atau menetapkan metod yang boleh membantu mempercepatkan proses menghafal al-

Quran. Sekiranya ingin menghafaz dalam tempoh yang panjang, seseorang itu boleh menghafaz beberapa ayat dalam sehari mengikut kadar kemampuannya. Satu halaman boleh dibahagikan kepada tiga bahagian untuk memudahkan hafalan. Sekiranya menghafaz satu halaman sehari maka seseorang itu boleh menghafaz kurang daripada dua tahun. Ini kerana al-Quran mempunyai 600 halaman dan setahun mempunyai 365 hari. Boleh juga menghafaz 1/8 daripada setiap juzuk al-Quran dengan membahagikan setiap juzuk kepada dua hizb. Setiap hizb boleh dibahagikan kepada empat bahagian.

Sekiranya menghafaz 1/8 juzuk sehari maka seseorang akan mengambil masa 440 hari atau setahun lebih untuk menjadi hafiz atau hafizah. Urutan surah pula boleh dimulai dengan juz ‘Amma dan diikuti dengan surah-surah pilihan. Seterusnya boleh menghafaz juzuk 29, 28 dan ke bawah. Rasionalnya kerana ayat-ayat dalam juzuk tersebut pendek-pendek dan mudah dihafaz. Teknik memahami makna ayat sebelum menghafaz, mengulang dengan bin-nazhar, mendengar bacaan daripada orang lain, menulis ayat-ayat yang dihafaz serta memerhatikan kalimah atau ayat yang serupa boleh membantu memudahkan teknik menghafaz. Metod lain yang boleh mempertahankan hafalan dalam waktu yang panjang serta bersesuaian dengan fitrah manusia yang sukakan variasi atau kelainan dengan mengikut cara yang diamalkan oleh para hafiz Turki. (Ir. Amjad Qasim, 2014) Pada hari pertama menghafaz halaman pertama daripada juzuk satu. Pada hari kedua menghafaz halaman pertama daripada juzuk 2. Pada hari ketiga dan seterusnya juga halaman pertama sehingga selesai kesemua halaman pertama dalam 30 juzuk. Setelah selesai halaman pertama dari semua juzuk, barulah menghafaz halaman kedua daripada juzuk pertama. Sambungkan hafazan pertama dengan mengulang-ulang ayat terakhir halaman pertama dengan ayat awal halaman kedua. Begitulah pengulangannya sehingga selesai kesemua juzuk. Perbezaan ayat Makkiyah dan Madaniyah memberi tadabur yang berbeza pada kisah, hukum dan cerita dalam al-Quran sekaligus mendatangkan keseronokan dan keasyikan pada al-Quran.



Rajah 6: Kerangka Teori Gabungan Kaedah Hafazan H. Sa'dulloh (2008) dan Ir. Imjad Qasim (2014)

Bagi memelihara hafalan beberapa kaedah dicadangkan mengikut prestasi hafazan seorang (Ir. Amjad Qasim; Sa'dulloh, 2008). Bagi individu yang belum menghafaz 30 juzuk, hafazan lama perlu diulang-ulang (takrir) sebelum menghafaz ayat baru. Takrir perlu dilakukan dua kali dalam sehari atau sekali dalam dua hari. Takrir boleh dilakukan bersendirian, takrir dalam solat, takrir bersama rakan dan takrir di hadapan guru. Bagi tahap hafalan satu hingga sepuluh juzuk, murajaah perlu dilakukan dalam waktu seminggu. Bagi tahap kedua iaitu hafalan sepuluh hingga lima belas juzuk, murajaah perlu dilakukan dalam dua minggu. Hafalan lima belas hingga dua puluh juzuk, takrir perlu dilakukan dalam tiga minggu. Para hafiz dan hafizah perlulah istiqomah takrir dalam solat fardu dan sunat qabliyah dan ba'diyah. Takrir di luar waktu solat pula boleh dilakukan dengan mengatur waktu sebaik mungkin. Boleh juga melakukan takrir sebelum

tidur, setelah tahajud dan pada masa-masa terluang mengikut keupayaan. Mendengar rakaman murattal al-Quran juga merupakan antara kaedah murajaah yang sistematik. Tradisi sima'an iaitu saling memperdengarkan hafazan dalam kalangan huffaz perlu dihidupkan supaya kesedaran untuk menjaga kesucian ayat-ayat al-Quran sentiasa berkekalan. Menyertai mana-mana ihtifal atau musabaqah juga merupakan cara mengekalkan hafazan, namun para hafiz dan hafizah perlu menjaga keikhlasan hati supaya tidak meletakkan hadiah dan ganjaran dunia sebagai matlamat utama.

Bagi hafiz dan hafizah yang sudah melengkapkan hafalan 30 juzuk, maka murajaah perlu dilakukan bagi menetapkan hafalan di dalam dada. Metod dalam melakukan muraja'ah antaranya Takhmis al-Quran iaitu mengkhatamnya lima hari sekali. Sebaiknya seorang hafiz atau hafizah mengkhatam takrir hafazan ayat-ayat al-Quran sekali dalam setiap minggu iaitu Tasbi' al-Quran. Boleh juga mengkhatamkan hafazan setiap sepuluh hari. Sekiranya tidak berkemampuan maka khatam takrir sekali dua minggu atau khatam sekali dalam sebulan. Mengkhusus dan mengulang satu juzuk dalam seminggu sambil melakukan murajaah umum. Kaedah yang paling baik menurut Ir.Amjad ialah dengan menggabungkan dua metod iaitu, mengkhatam murajaah hafalan setiap bulan di samping menumpukan takrir hafazan terhadap juzuk tertentu. Tumpuan diberikan pada lima juzuk terlebih dahulu dan mengulang-upang yang lainnya pada waktu yang ditentukan.

### **KESIMPULAN**

Kejayaan seseorang menghafaz al-Quran mempunyai banyak faktor. Penguasaan generasi muda membaca al-Quran bukanlah berasaskan guru semata-mata. Sehebat manapun kaedah dan teknik yang ada, ia mungkin tidak akan berjaya sekiranya guru dan juga pihak yang terlibat dalam mengajar al-Quran tidak berusaha mengaplikasikan teknik dan kaedah yang baik itu dalam sesi pengajaran dan pembeajaran. Malah, pelbagai kaedah dan juga bahan bantu mengajar boleh disesuaikan dengan golongan sasaran. Pengajaran yang membosankan, melawan hiburan semasa lain yang menyeronokkan bahkan boleh melalaikan akan mengakibatkan pelajar semakin jauh dengan al-Quran. Justeru, kaedah dan teknik pengajaran al-Quran hendaklah dipelbagaikan supaya dapat menarik minat pelajar dalam usaha melahirkan generasi yang cintakan al-Quran. Disiplin dan motivasi yang tinggi dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar dalam merealisasikan setiap teknik dan kaedah yang diterapkan memerlukan pengorbanan daripada semua pihak kerana untuk mendapatkan kesan yang baik pastinya memerlukan cara dan kaedah yang terbaik. Golongan hafiz dan hafizah bakal menegakkan dan memelihara kesucian kalamullah daripada sebarang bentuk penyelewengan. Oleh itu, niat dan tujuan menghafaz perlu diperbetulkan supaya niat yang ikhlas akan menjadi amal soleh yang diberi ganjaran di sisi Allah SWT.

Latar belakang guru tahfiz dan amalan pengajaran tahfiz al-Quran juga saling berkaitan. Merangka latihan ikhtisas perguruan khusus kepada pengajaran tahfiz merupakan satu keperluan dalam membangunkan profesionalisme guru tahfiz agar proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran menjadi lebih efisien dan efektif serta mampu mengharungi cabaran semasa. Pengajaran dan pembelajaran tahfiz secara tradisional dibimbangi tidak berupaya menyelesaikan masalah yang timbul apabila melibatkan generasi muda masa kini yang terdedah dengan penggunaan telefon pintar dan kecanggihan gajet semasa. Kemajuan penciptaan alat teknologi maklumat dan penggunaan teknologi telefon pintar dengan pelbagai perisian dan aplikasi mudah alih perlu dibangunkan untuk menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bidang hafazan Al-Quran menarik minat, mudah dan cepat serta mampu mengatasi kecanggihan perisian permainan maya. Pelbagai aspek pengetahuan tentang Al-Quran harus dikaji dan dibangunkan bagi menghasilkan rekaan aplikasi dan sistem yang mampu memberi kesan yang baik kepada pengguna khususnya kepada bakal hafiz dan hafizah.

Kaedah dan teknik hafalan Al-Quran akan menjadi lebih mudah dengan kemudahan capaian pelbagai aplikasi Internet yang dibangunkan untuk membantu proses menghafal Al-Quran. Sekaligus ia mampu memenuhi keperluan pengguna dalam dan luar talian. Ramai pendidik percaya bahawa komputer dapat membantu pelajar belajar membaca dengan betul melalui kaedah interaktif. Kajian oleh Hj, Omar, & Sharif (2013), membuktikan antara sebab utama pelajar mempunyai tahap kecekapan yang rendah dalam membaca surah adalah kerana pelajar tidak mempunyai minat dalam pembelajaran surah. Proses pengajaran dan pembelajaran yang sehala serta pelajar secara membata tuli, tidak memahami kaedah dan teknik dengan mengulangi dan membaca surah tanpa bimbingan boleh menyebabkan motivasi pelajar semakin merosot. Aplikasi Quran Audio Recitation (QAR) (Muhammad & Qayyum, 2012) misalnya, membantu dalam mengesan kesalahan bacaan atau hafalan Al-Quran tetapi ia tidak boleh menilai ketepatan dan prestasi pengguna.

E-Halagat pula direka berasaskan web dengan pendekatan menyerupai situasi halaqah yang dibangunkan secara elektronik terdiri daripada tutor, penyelia dan pelajar berdaftar. Sistem ini mempunyai dua kaedah pengesahan menggantikan kaedah tasmik iaitu pengesahan sendiri dan pengesahan automatik. Pengesahan sendiri dilaksanakan dengan merekod dan mendengar semula suara sendiri bagi mengetahui kesilapan dalam hafalan. Pengesahan automatik pula menggunakan teknik pengecaman pertuturan automatik untuk membetulkan bacaan atau hafalan ayat Al-Quran dengan adanya alat pengiraan yang diperlukan untuk membetulkan kesalahan hafalan secara elektronik.

Namun, beberapa kaedah dan teknik hafalan Al-Quran secara tradisional iaitu *Talaqqi, Musyafahah, Takrar, Tadarus, Semaan, Tasmik, Tashil, Tarkiz, Tarsikh, Tafaqqud dan Muraja'ah, kefahaman dan penulisan* perlu dikekalkan di samping kaedah hafalan Al-Quran secara moden menggunakan pengaplikasian

teknologi yang dapat membantu proses pengekalangan ingatan ayat-ayat hafalan yang dihafaz. Ini kerana kepelbagaian gaya dan strategi pembelajaran akan melahirkan *huffaz* yang berkualiti dari segi ilmu dan profesional.

**RUJUKAN**

- Ab. Fatah Hasan (1994) *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd. Majid Konting (1993) *Memahami Penyelidikan: Satu Pengenalan*. Universiti Putra Malaysia: Fakulti Pengajian Pendidikan.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et.al (2005) *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Mazaaya al-Hafiz (1996) *Panduan menghafal al-Qur'an*, Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Abu Mazaaya al-Hafiz (2012) *Kaedah Mudah dan Cepat menghafal al-Qur'an*, Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah Publication.
- Abu Najihat al-Hafiz (2002) *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*. Selangor : Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh. Dr. (1989) *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Al-Munazimah al-'Arabiyya Al-Ahwany, Ahmad Fuad. (1983). *al-Tarbiyah Fi al-Islam*. Qaherah: Dar al-Ma'arif al-Halaby.
- Allan C. Ornstein & Francis P. Hunkins (1993), *Curriculum; Foundations, principles & Issues*, London: Allyn Bacon.
- Ee, Ah Meng (1987) *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ghazali Darusalam (2001) *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors.
- H. Sa'dullah SQ (2008) *9 Cara Praktis Menghafal al-Quran*. Jakarta : Gema Insani.
- Ibrahim Abdul Mun'im Asy Syarbini (1995) *Kaifa Yahfazhu al-Qur'an*. Mansurah : Darus Salam.
- Ir. Amjad Qasim (2014) *Hafalan Al-Quran dalam Sebulan*. Selangor : Zafar Sdn. Bhd.
- Ir. Imjad Qasim (2014) *Hafalan al-Qur'an dalam sebulan*. Kuala Lumpur : Jundi Resources.
- Irwan Widiatmoko (t.t) *Teknik Meningkatkan Daya Ingatan Anda*. Kuala Lumpur: Synergi Media.
- Ismail Awang (1987) *Pengajian dan Tafsir al-Quran*. Kota Bahru: Dian Darul Na'im Sdn. Bhd.
- Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013) *Kaedah Jibril Teknik Mudah dan Praktikal Menghafaz al-Quran*. Selangor : PTS Darul Furqan.
- Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013) *Kaedah Jibril*. Kuala Lumpur : PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.



- Mohd Ali Ash Shabuni (1985) *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Mohd Yusof Ahmad (2000) *Sejarah & Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- Mohd Yusof Ahmad (2001) *Sejarah & Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Muhammad, & Qayyum (2012) *E-Hafiz: Intelligent System to Help Muslims in Recitation and Memorization of Quran*. *Life Science*, Retrieved from [http://www.lifesciencesite.com/lj/life0901/080\\_8204life0901\\_534\\_541.pdf](http://www.lifesciencesite.com/lj/life0901/080_8204life0901_534_541.pdf)
- Noraine Abu (2001) *Al-Quran Mukjizat Yang Terbesar Nabi Muhammad SAW* . Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers.
- Omar & Sharif (2013) *The Systematic Development and Implementation of a Blog in the Teaching and Learning of a Religious Verse*. *Journal of Education*.
- Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad & Kasnani Ab. Karim (2000) *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur :Longman.
- Schunk D.H. (1996) *Learning Theories*. Second edition. New Jersey. USA: Prentice Hall,Inc.
- Sheikh 'Abdullah Basmeih (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)* Kuala Lumpur: DarulFikir.
- Syeikh Muhammad Ali Ash Shabuni (1996) *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu al-Quran* Terjemahan M.Junaid al-Hashimi, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers.
- Syeikh Muhammad Mujahid (2013) *Ensiklopedia al-Quran*, Selangor : Must Read Sdn. Bhd.
- Teuku Iskandar (2002) *Kamus Dewan*. Edisi Ketujuh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Kuala Lumpur : PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri (2013) *Hafazan al-Quran*, Negeri Sembilan : Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.